

Bil. S 61

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH TIMBANGTARA ANTARABANGSA (PINDAAN), 2016

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pindaan bab 8 dari S 29/2010
 3. Pindaan bab 26
 4. Perkecualian
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH TIMBANGTARA ANTARABANGSA (PINDAAN), 2016

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Timbangtara Antarabangsa (Pindaan), 2016.

Pindaan bab 8 dari S 29/2010

2. Bab 8 dari Perintah Timbangtara Antarabangsa, 2009, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda dengan memansuhkan cerai (2) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(2) Pengerusi Pusat Timbangtara Negara Brunei Darussalam hendaklah dianggap sebagai telah ditentukan sebagai pihak berkuasa yang layak untuk melaksanakan tugas-tugas di bawah Perkara-Perkara 11(3) dan (4) dari Undang-Undang Model.”

Pindaan bab 26

3. Bab 26 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memotong “Presiden Persatuan Timbangtara Negara Brunei Darussalam pada masa itu” dari baris keenam dan ketujuh dan menggantikannya dengan “Pengerusi Pusat Timbangtara Negara Brunei Darussalam pada masa itu”;

(b) dalam cerai (2), dengan memotong “Presiden Persatuan Timbangtara Negara Brunei Darussalam” dan menggantikannya dengan “Pengerusi Pusat Timbangtara Negara Brunei Darussalam”.

Perkecualian

4. Apa-apa lantikan yang dibuat oleh Presiden Persatuan Timbangtara Negara Brunei Darussalam di bawah bab-bab 8 dan 26 dari Perintah utama dan berkuat kuasa sejurus sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah dibuat oleh Pengerusi Pusat Timbangtara Negara Brunei Darussalam.

Diperbuat pada hari ini 24 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1437 bersamaan dengan 26 haribulan September, 2016 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM